

# NC lancar Portal Alumni UMP



Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menyeru ahli Persatuan Alumni UMP terus berhubung antara satu sama lain bagi membina persahabatan dan berkongsi pengalaman yang berguna di kalangan ahlinya.

"Persatuan Alumni UMP diharapkan terus berbakti sebagai alma meter dan meneruskan kesinambungan hubungan dengan universiti ini," kata beliau ketika berucap semasa melancarkan Portal Persatuan Alumni dalam Majlis Jamuan Makan Malam anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) di Bukit Gambang Resort pada 9 Oktober 2010 yang lalu.

"Portal yang baharu dilancarkan ini sebagai platform bagi menyebarkan maklumat dan mengadakan aktiviti yang berfaedah untuk manfaat bersama.

"UMP bukan sahaja berfungsi sebagai gedung menghimpunkan masyarakat yang dahagakan ilmu namun mampu melahirkan pentadbir yang baik serta memberi sumbangan khidmat bakti kepada negara.

"UMP sentiasa berlapang dada dan menggalakkan ahli alumni untuk turut serta dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan UMP," kata beliau.

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin turut menggalakkan ahli alumni bergiat aktif dalam menjalankan aktiviti persatuan dan menggembeling tenaga bersama warga UMP merealisasikan visi universiti ini.

Ahli Persatuan Alumni UMP, Shaheil Nordin, 26, melahirkan rasa bersyukur beliau dengan sambutan penyertaan yang menggalakkan sehingga berjaya menghimpunkan lebih 700

graduan UMP yang terdiri daripada pelbagai kaum hadir meraikan majlis yang bermakna itu.

Beliau mengharapkan kemudahan portal alumni UMP ini dapat menjadi perantara untuk mengekalkan hubungan antara ahli alumni dengan UMP secara berterusan dan mengetahui perkembangan UMP.

Turut hadir meraikan majlis, rektor pertama Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM), iaitu nama lain sebelum penjenamaan semula UMP, Profesor Dato' Dr. Abu Azam Md. Yassin bersama isteri, Profesor Datin Dr. Nasly binti Mohamed Ali yang juga merupakan Dekan Pusat Pengajian Siswazah.

Graduan UMP yang ingin mendaftar sebagai ahli Persatuan Alumni UMP boleh melayari portal di alamat; <http://alumni.ump.edu.my/> untuk maklumat lanjut.